



HARUN (dua dari kiri) dan Cynthia bertukar dokumen perjanjian MoU sambil diperhatikan oleh Vincent (kiri) dan Jacqueline (kanan).

Kerjasama UMS-SIL Malaysia tumpu bahasa ibunda di Sabah

UB 22.11.2012 B4

KOTA KINABALU: Sedar dengan bahaya ancaman kepupusan bahasa ibunda di Sabah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil inisiatif dalam memelihara dan mengembangkan bahasa tempatan dengan memeterai satu perjanjian dengan Summer Institute of Linguistics (SIL) Malaysia, satu organisasi yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan mampan bidang linguistik.

Perjanjian itu dimeterai dalam satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Bilik Mesyuarat Utama, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa di kampus berkenaan.

UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah manakala SIL Malaysia diwakili oleh Pemangku Pengarahnya, Cynthia M Spoelman. Hadir sama, Dekan Pusat Penataran dan Ilmu Bahasa (PPIB) UMS, Prof Dr Vincent Pang, dan penyandang Kursi Kadazandusun UMS, Prof Dr Jacqueline Pugh-Kitingan.

Terdahulu, Harun dalam ucapannya berkata MoU itu akan menjurus kepada usaha merangsang pembangunan penyelidikan dan pengajaran bahasa ibunda di Sabah.

Katanya, generasi muda pada zaman sekarang tidak cenderung untuk mempelajari dan menggunakan bahasa ibunda sekaligus mampu memberi impak negatif yang akan membawa kepada kepupusan bahasa kebudayaan masing-masing di masa hadapan.

"Justeru, diharap melalui kerjasama ini ramai pakar bahasa akan mengambil cabaran untuk melakukan sesuatu bagi memastikan bahasa-bahasa ibunda yang terdapat di Sabah tidak hilang ditelan zaman," katanya.

Melalui kerjasama itu, para penyelidik UMS boleh menggunakan pangkalan data yang dikumpul SIL Malaysia mengenai bahasa tempatan Sabah yang telah dikumpul sejak SIL menjalankan kerjasama dengan kerajaan Sabah pada tahun 1978.

Selain itu, kedua-dua pihak akan terlibat dalam pertukaran kakitangan akademik, kerjasama dalam mendokumentasikan bahasa, dan latihan kepada suku kaum tempatan terhadap kaedah mengarkibkan bahasa ibunda bagi membantu pengumpulan data untuk tujuan pemeliharaan bahasa-bahasa ibunda di Sabah.